

30/06/2003

Pasaran bulis sudah kembali

Fred Tam

PASARAN bulis sudah kembali. Selepas lapan sesi pembetulan di Bursa Saham

Kuala Lumpur (BSKL) sejak 12 Jun lalu, Indeks Komposit (IK) di BSKL kini dilihat kembali mencatat aliran meningkat.

Pada asas mingguan, BSKL muncul sebagai pasaran keempat terbaik di Asia

dengan peningkatan 9.01 mata atau 1.32 peratus untuk ditutup pada 691.45 mata. Bagaimanapun, kenaikan paling ketara di BSKL sebenarnya berlaku pada

Indeks Mesdaq, Indeks Teknologi dan Indeks Papan Kedua.

Indeks Mesdaq naik 8.71 mata atau 9.29 peratus, Indeks Teknologi 2.03 mata atau 4.33 peratus) manakala Indeks Papan Kedua (3.32 mata atau 3.17 peratus).

Begitupun, dalam pada IK melantun daripada paras sokongan utamanya 675 mata, kebanyakan pelabur dan penganalisis tempatan masih bimbang, dengan mengatakan bahawa kelembapan dalam ekonomi Amerika dan berita suram dari dalam negara sebagai tidak cukup menarik. Hakikat bahawa Dow ditutup di bawah 9,000 mata Jumaat lalu menyokong pendapat mereka yang tidak begitu bulis.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah contoh terbaik bagaimana pengaruh fundamental bertentangan dengan carta kerana ia tidak menyokong di antara

satu sama lain. John J Murphy dalam bukunya Technical Analysis of the Futures Markets berkata pada ketika penting beginilah dua perkara itu akan

paling berbeza. Biasanya ia akan selari selepas ini tetapi pada ketika itu

ia sudah terlalu lewat untuk pelabur bertindak.

Dalam apa yang berlaku ketika ini, jelas bahawa indeks di pasaran global

- bukan hanya di Malaysia - sudah beralih daripada aliran menurun mereka.

Bagi BSKL, paras kedua tertingginya ialah pada 675, Indeks EMAS (165), Indeks Papan Kedua (106), Indeks Mesdaq (97) dan Indeks Teknologi (47). Jumaat lalu, semua indeks ini sudah melepasi paras itu.

Dow juga sudah melepasi paras kedua tertingginya 9,000 pada 4 Jun lalu dan naik kepada 9,406 pada 17 Jun sebelum reda kembali kepada 9,000 yang juga sebenarnya paras rintangan tetapi kini bertukar kepada sokongan.

bagi

kami, penurunan ini tidak menjadi masalah kerana ia seharusnya melambung untuk menguji paras tertinggi tahun lalu iaitu 10,700 mata. Nasdaq juga dilihat dalam perjalanan menguji paras tertingginya tahun lalu iaitu

2,099

mata.

Jika kedua-dua Dow dan Nasdaq boleh sampai ke tahap tertingginya bagi 2002, adalah mungkin untuk kita melihat IK menguji paras 816 yang dicatatkannya pada 23 April tahun lalu.

Berdasarkan penutup Jumaat lalu, semua lima indeks utama di pasaran,

memberi isyarat belian bagi semua tempoh, harian, mingguan dan bulanan. Senario ini menggambarkan bahawa wujud aliran meningkat yang tinggi minggu ini.

Berdasarkan harga dan jumlah dagangan yang dicatat pada Jumaat lalu, berikut ialah analisis kami. Jika IK dan semua indeks lain boleh ditutup lebih tinggi daripada 694.44, dan jumlah dagangan melampaui 881 juta saham, kita pasti akan menikmati kenaikan tinggi minggu depan. Bagaimanapun, jika jumlah dagangan tidak melebihi 881 juta, harga saham masih boleh meningkat tetapi hanya untuk mencatat paras tertinggi tahun ini saja.

Perhatikan bahawa wujud "jurang kenaikan" pada semua lima indeks pasaran tempatan Jumaat lalu dan harga kelihatan membentuk satu penyatuan. Kewujudan jurang itu memberi petanda akan wujud rali besar-besaran dan kami menyifatkan perkara ini sebagai landasan atau jurang pengukur yang disifatkan oleh penganalisis teknikal sebagai pertengahan kenaikan. Menggunakan teknik ukuran klasik ini, kami menjangka sasaran seterusnya ialah 760 mata, sebelum pembetulan besar-besaran akan berlaku.

Banyak saham yang akan menyaksikan kenaikan ke paras tertinggi baru iaitu lebih daripada 12 Jun lalu dan pelabur seharusnya bersedia untuk ini. Antaranya termasuk Symphony, YTLCE-Wa, EONCap, EPMB, Kimble, Kwantas, Petra, Rhythm, Sapura, Tawin dan Uniphone. Ini adalah saham yang dinyatakan minggu lalu.

Minggu ini, pasaran dijangka naik secara menyeluruh. Antaranya termasuk 3A, BTech, GHY System, Glosoft, MCM Tech, Karensoft, Symphony, Willowglen, ENG, Formis, Lityan, LKT, MPI, Patimas, Suntech, Suninc, Sapura, Uniphone, Utusan, Abric, Granite, Avenue-Wa, Commerz, CIMB, DMIB, DRBHCOM, DRBHC-WA, Edaran, Engtex, Harvest, Intria, MPlant, MPlant-Wa, NSTP, MRCB, PMInd, RHBCap, Top Glove, Yeaik, YTL, YTL-WB, YTL Land, YTLPower-Wa, YTLCE-Wa.

Satu daripada alasan yang mungkin melonjakkan saham ialah khabar angin bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin memansuhkan langkah kawalan modal berpilih yang diumumkan sejak lima tahun lalu. Kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini menyarankan syarikat untuk menukar dagangan kepada euro kesan kelemahan berterusan dolar Amerika mengukuhkan spekulasi kononnya tambatan nilai ringgit kepada dolar Amerika akan dilepaskan.

Jika ia berlaku, kita akan melihat dana asing mengalir ke pasaran modal kita secara besar-besaran. Oleh itu, untuk mencapai paras 760 atau 800 bukanlah mustahil. - Penulis ialah Ahli Penuh Society of Technical Analysts, UK.